

# JPA perinci kenaikan gaji anggota polis

BH-23/3/2007.

## Pertimbangan permohonan babitkan semua peringkat PDRM: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan sedang mengkaji permohonan kenaikan gaji kira-kira 97,000 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti yang diminta Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Perdana Menteri berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang memperincikan butiran permohonan kenaikan gaji yang dibuat Musa pada mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) baru-baru ini, untuk dikemukakan kepada kerajaan.

Sambil mengakui gaji polis tidak tinggi dan menjurus kepada masalah seperti rasuah, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berharap kenaikan gaji dapat membantu membendung gejala itu.

Dalam mesyuarat NITF baru-baru ini, Ketua Polis Negara memberi taklimat mengenai pembangunan masa depan PDRM dan badan itu membuat keputusan cadangan untuk menaikkan gaji polis dipertimbangkan JPA.

"JPA akan ambil tindakan dan buat cadangan tertentu. Banyak mana naik atau kuantumnya adalah butiran terperinci," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ketiga di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Baru-baru ini, Musa berkata, cadangan penstrukturan semula PDRM yang dikemukakan kepada NITF antara lain membabitkan permohonan kenaikan gaji pokok anggota dan pegawai sebanyak 20 peratus lebih tinggi daripada kakitangan sektor awam lain.

Permohonan lain ialah penambahan anggota dan kenaikan taraf kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk konstabel, diploma bagi sarjan dan ijazah untuk inspektor.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, pertimbangan bagi kenaikan gaji itu membabitkan semua pe-



**KATA SEPAKAT:** Abdullah mempengerusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ketiga di Putrajaya, semalam. Turut hadir Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

**“** Dari segi gaji tetap, semua sama. Apa yang berbeza ialah elaun tugas khas”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

ringkat perkhidmatan PDRM walaupun ada anggota dan pegawai dalam kumpulan tertentu yang menerima elaun tugas khas.

"Dari segi gaji tetap, semua sama. Apa yang berbeza ialah elaun tugas khas. Justeru, kenaikan gaji yang dipertimbangkan ialah untuk keseluruhan perkhidmatan pasukan polis," katanya.

Ditanya apakah kelulusan kenaikan gaji anggota PDRM itu akan diberikan sebelum pembentangan Bajet 2008, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perkara itu be-

lum diputuskan lagi.

"Belum tentu lagi bila, biar JPA kemukakan pandangan awal, tak semestinya sebelum bajet," katanya.

Ditanya apakah tempoh perkhidmatan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Seri Zulkipli Mat Noor, akan dilanjutkan, Abdullah berkata beliau akan mengumumkan perkara itu tidak lama lagi.

Kontrak perkhidmatan Zulkipli yang disiasat berikutan tuduhan rasuah dan salah guna kuasa oleh bekas Pengarah BPR Sabah, Mohamad Ramli Manan, tamat akhir bulan ini.